

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, September 26, 2019 9:14 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Ubah Mentaliti Makan Gaji Kepada Mencipta Kerjaya



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

26 SEPTEMBER 2019 / 26 MUHARAM 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Mohd Syahrir Rahim

UBAH MENTALITI MAKAN GAJI KEPADA MENCIPTA KERJAYA



UUM ONLINE: Mentaliti graduan yang terlalu bergantung kepada 'makan gaji' perlu dikikis dengan mengubah mentaliti kepada 'mencipta kerjaya' dan membuka ruang minda terhadap dunia perniagaan yang menjanjikan lebih banyak peluang.

Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Dato' Sri Sabin Samitah mentakrifkan usahawan sebagai orang yang memulakan, mengusahakan dan mengganggu segala risiko dalam sesebuah organisasi perniagaan.

Jelasnya, keusahawanan merupakan segala usaha yang berkaitan dengan pengeluaran produk dan perniagaan selaras dengan petikan hadis yang mengatakan bahawa 9 daripada 10 pintu rezeki adalah daripada perniagaan.

“Kita perlu dan boleh mencontohi Rasulullah S.A.W yang berniaga dari usia yang muda lagi.

“Ini bertepatan dengan langkah yang diambil oleh TISSA untuk mengadakan karnival ini bagi memberi pendedahan dan pengetahuan dalam bidang keusahawanan dan perniagaan kepada para mahasiswa dan para pemegang taruh lain.

“Untuk menjayakan dan menghidupkan lagi karnival keusahawanan ini, pihak LHDNM berganding bahu bersama TISSA dengan menyediakan Klinik Cukai LHDNM untuk memberi maklumat dan khidmat nasihat berkaitan pencukaian dan perniagaan,” ucapnya ketika menyempurnakan Majlis Perasmian Karnival Keusahawanan dan Celik Cukai TISSA-UUM 2019 di DKG 2/1, UUM.

Selain itu katanya, hubungan LHDNM dan TISSA sentiasa erat dan terus memperkukuhkan hubungan dengan mengadakan kerjasama dari aspek pendidikan dan penajaan.

“Pada 2015, seramai 18 pegawai LHDNM melanjutkan pelajaran dalam program *Doctor of Management-LHDNM (D Management)* di TISSA memfokuskan penyelidikan yang selaras dengan persekitaran industri dan LHDNM.

“Manakala program *MSc (International Accounting)* disertai lebih kurang 60 pegawai LHDNM yang dikendalikan di Akademi Percukaian Malaysia, Bangi, Selangor dan perkembangan kertas projek pelajar dipantau melalui bengkel penulisan sekali gus meningkatkan pengetahuan dalam bidang penyelidikan,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr Ayoib Che Mad berkata, suasana persaingan dalam alam kerjaya pada hari ini kian sengit. Penambahan bilangan graduan saban tahun dan iklim ekonomi tidaklah sentiasa cerah untuk menerima mereka di alam kerjaya merupakan cabaran besar kepada para mahasiswa yang akan menamatkan pengajian.

Suasana ini menuntut transformasi pemikiran dalam kalangan mahasiswa dan graduan demi mencari peluang kerjaya pada masa hadapan dengan membuka minda terhadap dunia perniagaan.

Justeru itu, dengan semangat yang tinggi untuk terus mencurahkan ilmu, TISSA mengambil pendekatan mengadakan Karnival ini sebagai medan pendedahan yang mempunyai pelbagai program menarik dan bermanfaat.

Misalnya interaksi bersama badan korporat dan pendedahan terhadap bidang keusahawanan dan aspek-aspek penting dalam program yang mendapat kerjasama LHDN dan Perbadanan Nasional Berhad (PNS).

“Untuk membentuk satu budaya keusahawanan yang beretika dalam sesebuah negara, pendedahan dan didikan awal merupakan satu kaedah yang terbaik bagi merealisasikan hasrat tersebut namun, cabarannya adalah bagaimana kita mampu mendidik para dan bakal usahawan.

“Saya berharap Karnival Keusahawanan dan Celik Cukai TISSA-UUM dapat menyumbang ilmu pengetahuan yang optimum berkenaan dengan keusahawanan dan Perniagaan,” ucapnya.

TISSA dan LHDNM menjalin kerjasama erat dari segi pendidikan dan penajaan, antara penjawat LHDNM yang berjaya menamatkan pengajian dalam bidang kedoktoran dan bakal bergraduasi ialah Dato' Sri Sabin Samitah.

“Saya berbesar hati mengucapkan tahniah kepada Dato' Sri Dr. Sabin di atas kejayaan beliau. Di samping itu, pihak LHDNM juga sudi menjadi penaja utama International Conference on Accounting Studies (ICAS) yang diadakan pada tahun lepas,” katanya.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.